

Pemupukan kemahiran kepimpinan melalui projek berdasarkan kumpulan

ABSTRAK

Pembelajaran berdasarkan projek merupakan satu kaedah berpusatkan pelajar yang dapat melatih kemahiran abad ke-21. Kemahiran kepimpinan dengan berfokuskan komunikasi dan kerjasama berpasukan merupakan antarakemahiran yang boleh diterapkan dan diperoleh melalui pembelajaran berdasarkan projek. Ketiga-tiga nilai yang saling berkait ini merupakan kemahiran yang perlu dimiliki oleh setiap pelajar di peringkat pengajian tinggi sebagai persiapan sebelum melangkah ke alam pekerjaan dan berbakti dengan masyarakat. Pembelajaran berdasarkan projek di peringkat universiti bukan sahaja dapat memberi impak yang positif kepada pencapaian kecemerlangan akademik semata-mata, malahan dapat membentuk kemahiran-kemahiran insaniah yang bakal digunakan dalam kehidupan. Makalah ini merupakan tinjauan awal membincangkan bagaimana pembelajaran berdasarkan projek dapat menggarap nilai kepimpinan dengan berfokuskan komunikasi dan kerjasama berpasukan dalam kursus alam sekitar. Kajian dijalankan melalui pemerhatian penyelidik bermula minggu pertama dan refleksi yang diberikan oleh pelajar apabila berakhirnya projek. Refleksi juga dinilai dari sudut pandang ketua kumpulan dan ahli kumpulan. Hasil kajian mendapati pembelajaran berdasarkan projek dapat menerapkan nilai-nilai tersebut dan perlu diteruskan dalam kursus-kursus lain supaya pelajar lebih bertanggungjawab dalam setiap keputusan dan tindakan mereka.